

04/08/1997

Semua negara perlu bergabung atasi jerebu

GEORGETOWN, Ahad - Semua negara yang menghadapi risiko disebabkan jerebu perlu bergabung dan membentuk jawatankuasa khas bagi menggaris rangka kerja untuk menangani masalah berkenaan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata selain itu, Asean juga digesa menggariskan masalah jerebu sebagai agenda untuk dibincangkan dalam mesyuarat akan datang.

Menurutnya, kerjasama setiap negara terbabit perlu kerana usaha menangani masalah jerebu yang dikatakan berpunca daripada kebakaran hutan di Indonesia memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

"Kerjasama semua negara terbabit untuk mencari jalan penyelesaian penting di samping bergabung dan menyediakan peruntukan khas untuk menangani masalah jerebu bagi mengurangkan risiko dari segi kesihatan, kerugian di kalangan ahli perniagaan dan pengusaha sistem pengangkutan terutama udara," katanya selepas majlis konvokesyen pertama Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) kampus cawangan Pulau Pinang, semalam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan kesanggupan Malaysia untuk menyumbang dari segi perbelanjaan bagi menghentikan kebakaran hutan di Indonesia.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Heing Ding pula berkata, Indonesia akan mengadakan mesyuarat dengan Malaysia, Singapura dan Brunei berhubung perkara itu pada 11 dan 12 Ogos ini di Jakarta.

Dr Ling berkata, dua prosedur yang boleh dilaksanakan untuk menghentikan kebakaran hutan ialah memotong pokok di sempadan kawasan kebakaran dan menyembur air dari udara.

"Tidak dinafikan masalah jerebu turut memberi impak terhadap jadual penerbangan harian, bagaimanapun, orang ramai tidak perlu bimbang kerana keadaannya masih terkawal," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak bercadang memberi pampasan kepada pihak yang menanggung kerugian berikutan kejadian jerebu.

(END)